

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, September 16, 2019 8:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Food Bank Siswa UUM Manfaatkan 300 Pelajar Memerlukan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 SEPTEMBER 2019 / 16 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PROGRAM FOOD BANK SISWA UUM MANFAATKAN 300 PELAJAR MEMERLUKAN



UUM ONLINE: Seramai 300 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima manfaat daripada program Food Bank Siswa UUM di bawah kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sekali gus menjadikan UUM sebagai universiti awam ke-13 melaksanakan program tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, program yang sedang dijalankan di universiti-universiti awam itu merupakan inisiatif bagi membantu golongan pelajar yang memerlukan, di samping membantu menangani isu kos sara hidup.

Menurutnya, kementerian mensasarkan untuk meluaskan program Food Bank Siswa ke 20 universiti awam di seluruh Malaysia menjelang penghujung tahun ini.

Katanya, pihaknya melalui Yayasan Food Bank Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menghubungkan pihak industri yang terlibat bukan sahaja pasaraya-pasaraya malah pengeluar produk makanan, restoran dan hotel dengan penggerak yang terlibat dalam membantu menyalurkan bantuan makanan kepada universiti.

"Inisiatif Food Bank Siswa ini berkonsepkan 'Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa' yang mana kita mengalu-alukan pelajar yang ingin terlibat dalam melaksanakan Food Bank Siswa ini terutamanya dari Persatuan-Persatuan Mahasiswa untuk bersama-sama membantu mereka yang memerlukan.

"Sehingga Julai 2019, sebanyak 3,820 pelajar seluruh negara telah menerima manfaat daripada program ini yang mana Food Bank Siswa ini diperkenalkan melalui dua kaedah iaitu *Food Pantry* dan *Central Kitchen*," katanya pada Majlis Perasmian Food Bank Siswa UUM di EDC Hotels and Resorts, semalam.

Beliau berkata, selain memastikan pelajar yang merupakan pelapis negara dapat menimba lebih banyak pengalaman dalam pelaksanaan program kebajikan, ia juga memupuk semangat sukarelawan di samping dapat bergiat aktif di dalam aktiviti yang dijalankan di universiti.

Katanya, beliau berharap program Food Bank Siswa UUM ini berjaya dilaksanakan secara berterusan dan mendapat kerjasama yang tidak berbelah bahagi oleh setiap pihak yang terlibat.

Program Food Bank Siswa adalah susulan daripada program Food Bank Malaysia iaitu salah satu inisiatif yang dilaksanakan KPDNHEP bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan menyelamatkan lebihan makanan.

Sehingga Ogos 2019, seramai 275,497 ahli isi rumah telah berjaya mendapat manfaat daripada program tersebut, secara tidak langsung ia juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak 1,687 metrik tan lebihan makanan.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, usaha murni pelaksanaan Food Bank Siswa itu amat bertepatan sekali memandangkan dalam situasi ekonomi global dan tempatan, rakyat telah terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi, sekali gus memberi impak terhadap pelajar di universiti awam.

Di UUM, menurutnya, seramai 16,472 pelajar adalah dari kelompok B40 dan miskin tegar yang diukur daripada pendapatan isi rumah dari tiada pendapatan sehingga ke RM 3,000 sebulan.

Justeru, katanya, bagi menangani hal itu, UUM amat memerlukan penglibatan daripada pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta bagi mencari dana dan sumber untuk membantu golongan pelajar tersebut.

"Selain itu, UUM juga mengadakan pelbagai inisiatif bagi membantu pelajar dalam aspek kebajikan sosial dan pembangunan fizikal, antaranya inisiatif *On-Campus Job* dan aktiviti *Suspended Meal Voucher* iaitu program Kupon Makanan Percuma bernilai RM 5 sehari kepada pelajar B40 tegar pendapatan isi rumah dari RM 1 sehingga RM 500, selain sentiasa bergiat aktif dalam usaha mencari dana tambahan untuk disalurkan ke dalam Akaun Bantuan Sara Hidup Pelajar Universiti.

"Bagi inisiatif Food Bank pula, UUM telah berjaya mengadakan Pusat Pengumpulan Barang Kering yang terletak di Pusat Penginapan Pelajar (SAC) sebelum diagihkan kepada 15 pusat penginapan pelajar dan konsep Food Bank di UUM agak berbeza sedikit jika dibandingkan dengan universiti lain yang mana ia diuruskan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan

Jawatankuasa Kepimpinan Pembangunan Siswa (JKPS) serta dibantu oleh pegawai universiti bagi memastikan agihan makanan ini dapat diuruskan secara adil dan sistematik," katanya.

Tambahnya, beliau yakin program seperti itu dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada penyumbang terutamanya dalam mengurangkan pembaziran makanan di industri atau di pasaraya tempatan, malah universiti juga mengalu-alukan kerjasama daripada pihak NGO yang telah dilantik sebagai Rakan Strategik Utama Program Food Bank Malaysia antaranya ialah Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Food Bank.

Perasmian Food Bank Siswa UUM telah disempurnakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah dan baginda turut berkenan menyerahkan zakat sumbangan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) kepada 400 pelajar asnaf UUM.

Kemudian, Naib Canselor telah merasmikan *Central Pantry* Food Bank di Pusat Penginapan Pelajar (SAC).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.